

07/03/2003

Memancing berpotensi tarik pelancong - Dr M

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi tetamu istimewa Pertandingan

Memancing Joran-Perdana MK Land di benteng pemecah ombak bersebelahan Langkawi Lagoon Resort (Langkawi Lagoon) mengaku hobi memancing memerlukan tahap kesabaran yang tinggi.

"Saya nampak pagi ini (Sabtu) ramai yang berminat dengan memancing. (Tetapi) saya mengaku saya tidak ada kesabaran. Duduk situ, (sambil) pegang (joran), saya tidak ada kesabaran itu.

"Tetapi saya harap semua pemancing akan dapat tangkap banyak ikan. (Perairan negara) kita ada banyak ikan," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan Langkawi Lagoon di Jalan Kuala Muda di Langkawi, Sabtu lalu.

Ditanya pandangannya mengenai potensi kegiatan memancing dalam menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan negara, Dr Mahathir berkata, kegiatan itu semakin berkembang dan yakin boleh dijadikan satu daripada rekreasi yang mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Katanya, keyakinan itu adalah berdasarkan sambutan menggalakkan daripada kaki pancing yang menyertai sebarang pertandingan memancing yang dianjurkan.

Beliau sebelum itu menyempurnakan acara permulaan pertandingan memancing membabitkan lebih 300 peserta anjuran MK Land Holdings Berhad (MK Land) dengan kerjasama Unit Joran, Berita Harian.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee; Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar; dan Penolong Pengarang Berita Harian/Berita Minggu (Projek Khas), Hafifi Hafidz.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kemudian mengambil kesempatan itu dengan meluangkan masa kira-kira setengah jam untuk memancing.

Tetamu istimewa pertandingan itu turut diberi penerangan mengenai cara mengendalikan joran daripada beberapa marsyal bertugas mengawasi pertandingan selain diberi penerangan mengenai hobi memancing yang kini menjadi satu industri baru.

Pertandingan itu adalah antara pelbagai acara menarik sejak Jumaat yang diadakan sempena pelancaran hotel bertaraf lima bintang milik MK Land.

Kehadiran Perdana Menteri dan isteri serta tetamu kehormat lain disambut

meriah oleh peserta pertandingan dan penduduk sekitar yang tidak mahu